

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**FINAL EXAMINATION  
PEPERIKSAAN AKHIR**

**SEMESTER II SESSION 2022/2023 (DEGREE PROGRAMME)  
SEMESTER II SESI 2022/2023 (SARJANA MUDA)**

<b>COURSE</b> <b>KURSUS</b>	<b>:</b> <b>MALAYSIAN NATIONHOOD</b> <b>KENEGARAAN MALAYSIA</b>
<b>COURSE CODE</b> <b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b> <b>NCC3053</b>
<b>DURATION</b> <b>TEMPOH</b>	<b>:</b> <b>2 HOURS</b> <b>2 JAM</b>

<b>MATRIC NO.</b> <b>NO. MATRIK</b>	<b>:</b> _____
<b>PROGRAMME</b> <b>NAMA PROGRAM</b>	<b>:</b> _____
<b>SEAT NO.</b> <b>NO. MEJA</b>	<b>:</b> _____

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**  
**ARAHAN KEPADA CALON**

- i. Answer all questions.  
*Sila jawab semua soalan.*
- ii. All answers must be marked on the OMR paper provided.  
*Semua jawapan hendaklah ditanda di atas kertas OMR yang disediakan.*

**DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL INSTRUCTED**  
**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF TWENTY-FOUR (24) PRINTED PAGES  
**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI DUA PULUH EMPAT (24) MUKA SURAT BER CETAK**

**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

Sila pilih jawapan yang **PALING TEPAT** bagi setiap soalan di bawah.


Soalan 1 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Mata Pelajaran	Penekanan
Kenegaraan Malaysia	Pengajian tentang hal ehwal negara Malaysia merangkumi sejarah, politik, ekonomi dan sosio-budaya masyarakat

1. Berdasarkan maklumat di atas, apakah tujuan penekanan mata pelajaran tersebut?
  - i. Memupuk semangat cinta kepada negara
  - ii. Membentuk jati diri dan identiti bangsa
  - iii. Menanam rasa muhibah dan kerjasama
  - iv. Mewujudkan hubungan baik antara negeri-negeri
  - A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv
2. Mengapa sejarah perlu dipelajari dalam konteks Kenegaraan Malaysia?
  - A. Sejarah pembentukan Malaysia sangat unik
  - B. Sejarah memudahkan pemahaman konsep kenegaraan
  - C. Sejarah mengandungi fakta-fakta benar untuk menyokong sesuatu peristiwa
  - D. Sejarah memberi teladan dan iktibar dalam proses pembentukan negara-bangsa
3. Antara pernyataan berikut, definisi manakah yang **paling tepat** tentang konsep negara?
  - A. Komuniti yang tinggal dalam sesebuah negara berdasarkan perlembagaan dan undang-undang
  - B. Komuniti yang tinggal secara tetap dalam sesebuah wilayah dan diperintah oleh sebuah kerajaan yang sah
  - C. Komuniti yang tinggal dalam sesebuah negara yang berdaulat dan berlandaskan prinsip demokrasi
  - D. Komuniti yang tinggal dalam sesebuah negara yang mempunyai sempadan tertentu dan diperintah oleh kerajaan yang sah

4. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** bagi menggambarkan teori kewujudan negara yang berkaitan dengan teori patriarkal dan matriarkal?
- Institusi keluarga memperkenalkan segala peraturan dan pengawalan ke atas penduduk
  - Peringkat awal set peraturan diperkenalkan ketua keluarga seperti ibu atau bapa kepada keluarga iaitu bersamaan seperti mana yang dilakukan negara terhadap rakyatnya
  - Negara wujud ekoran perkembangan beberapa kumpulan manusia yang mempunyai pertalian darah
  - Keluarga dianggap sebagai unit asas sesebuah masyarakat manakala puak, etnik atau kaum terbentuk melalui gabungan beberapa keluarga
- A. i dan ii  
B. ii dan iii  
C. i, ii dan iii  
D. Semua di atas

Soalan 5 adalah berdasarkan maklumat di bawah.



5. Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?
- Parameswara mahu menguasai Kepulauan Melayu
  - Parameswara berazam mengukuhkan pemerintahannya
  - Parameswara mahu meluaskan empayar pemerintahannya
  - Parameswara memilih tempat tersebut untuk mendirikan kerajaannya

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

Soalan 6 adalah berdasarkan jadual di bawah.

Jawatan	
Sistem Kesultanan Melayu Melaka	Sistem Pemerintahan Malaysia
Bendahara	Perdana Menteri
Penghulu Bendahari	Menteri Kewangan
Temenggung	X

6. Berdasarkan jadual di atas, X ialah
- Ketua Polis Negara
  - Ketua Setiausaha Negara
  - Ketua Turus Angkatan Laut
  - Panglima Angkatan Tentera Darat
7. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** berkaitan elemen demokrasi moden yang telah pun wujud dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke 15?
- Pemerintahan sultan dibantu melalui sistem pembesar empat lipatan iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana
  - Disentralisasi kuasa oleh sultan untuk pembesar menjalankan tugas seperti Syahbandar bertanggungjawab sebagai pegawai pelabuhan
  - Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang berasaskan undang-undang Islam dan adat tempatan menjadi pemangkin kepada kemakmuran kerajaan Melaka
  - sistem perbendaharaan serta sistem percuaiyan yang tersusun manakala aktiviti jual beli di Melaka menggunakan mata wang dalam bentuk emas, perak dan timah
- i dan ii
  - ii dan iii
  - i, ii dan iii
  - Semua di atas
8. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan Alfonso de Albuquerque berjaya menguasai Melaka?
- Askar Melaka kurang terlatih
  - Kelemahan Sultan Mahmud Syah
  - Persaingan antara orang Melayu dengan orang India-Muslim
  - Portugis mendapat bantuan ketenteraan dari China dan India
- i, ii dan iii
  - i, ii dan iv
  - i, iii dan iv
  - ii, iii dan iv

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

9. Individu manakah di bawah yang terlibat dalam membuka dan membangunkan Kuala Lumpur?
- i. Sutan Puasa
  - ii. Yap Ah Loi
  - iii. Gee Hin
  - iv. Abdullah Hukum
- A. I dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. i, ii dan iii
  - D. Semua di atas

Soalan 10 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Pertapakan Raffles di Singapura pada 1819 telah mencetuskan ketegangan antara Inggeris dan Belanda di Kepulauan Melayu.

10. Maklumat di atas menerangkan faktor yang membawa kepada pemeteraihan Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Apakah kesan perjanjian tersebut ke atas Tanah Melayu?
- A. Tanah Melayu bebas daripada pengaruh Siam
  - B. Inggeris meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu
  - C. Raja-raja Melayu menyerahkan kuasa kepada Inggeris
  - D. Kuasa-kuasa Barat lain dihalang berdagang di Tanah Melayu
11. Apakah kesan daripada kekurangan bahan mentah untuk perindustrian yang dihadapi oleh Britain pada kurun ke-19?
- A. Perluasan tanah jajahan
  - B. Pertambahan barang import
  - C. Permulaan kemelesetan ekonomi
  - D. Peningkatan kegiatan pertanian
12. Campur tangan sepenuhnya oleh kuasa British di Tanah Melayu adalah dengan peristiwa
- A. Perjanjian Bangkok 1909
  - B. Perjanjian Pangkor 1874
  - C. Pulau Pinang jatuh ke tangan Francis Light
  - D. Stamford Raffles berjaya menduduki Singapura

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

13. Penyataan-penyataan di bawah adalah benar mengenai penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu, **kecuali**
- Jepun menakluki Tanah Melayu dari tahun 1941 sehingga 1945
  - Belanda menjajah Melaka selama 183 tahun dari tahun 1641 sehingga 1824
  - Portugis menakluki Melaka selama 130 tahun dari tahun 1511 sehingga 1641
  - Siam menaungi Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah dari tahun 1834 hingga 1918
14. Kemenangan mudah Jepun dalam menawan Tanah Melayu daripada British disebabkan
- Jepun bertindak menyerang Singapura terlebih dahulu
  - semangat juang pasukan tentera Jepun yang kuat dan tinggi
  - penenggelaman dua buah kapal perang British di perairan Pantai Timur Tanah Melayu
  - British sibuk menyelamatkan harta-benda mereka untuk dipindahkan ke pangkalan tentera Amerika di Lautan Pasifik.
- i, ii dan iii
  - i, ii dan iv
  - i, iii dan iv
  - ii, iii dan iv
15. Apakah kesan penaklukan Jepun ke atas pemikiran penduduk tempatan di Tanah Melayu pada masa tersebut?
- Jepun membawa kehancuran kepada konsep nusantara dan perpecahan serumpun
  - Membawa satu semangat kebangsaan dan keyakinan diri untuk mentadbir negara sendiri
  - Jepun membawa satu kemahiran teknologi yang lebih sesuai dengan citarasa dan norma-norma kehidupan tempatan
  - British lebih berjaya dalam membawa kemajuan kepada struktur pentadbiran dan ekonomi orang Melayu.
16. Apakah pengajaran yang diperolehi daripada penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu?
- Kita tidak lagi dijajah oleh kuasa asing
  - Penjajah hanya mendatangkan penderitaan
  - Penjajah Barat lebih baik daripada penjajah dari sebelah timur
  - Kita tidak boleh mengharapkan bangsa asing memajukan negara kita

17. Peristiwa-peristiwa berikut penting dalam sejarah perkembangan negara selepas Perang Dunia Kedua. Sila susun peristiwa tersebut mengikut kronologi masa:
- i. Penubuhan Malaysia
  - ii. Cadangan Malayan Union
  - iii. Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
  - iv. Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- A. i, ii, iii dan iv
  - B. iv, iii, ii dan i
  - C. ii, iii, iv dan i
  - D. ii, iv, iii dan i
18. Perlembagaan diperkenalkan dengan matlamat-matlamat berikut, **kecuali**
- A. melindungi kepentingan dan kesejahteraan rakyat
  - B. memastikan hubungan dan dasar luar negara terpelihara
  - C. mewujudkan satu bentuk pemerintahan yang adil, cekap dan berkesan
  - D. menjamin keamanan dan kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara
19. Antara berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang perlembagaan bertulis?
- A. Parliment boleh membuat apa juga jenis undang-undang tanpa sekatan
  - B. Undang-undang yang digubal adalah kukuh dan sukar untuk dipinda
  - C. Sesiapa sahaja berhak untuk mentafsir isi kandungan perlembagaan
  - D. Terdapat pengaruh tradisi, amalan hidup dan pengalaman politik bagi sesebuah negara
20. Pernyataan berikut adalah benar mengenai Perlembagaan Malaysia, **kecuali**
- A. Perlembagaan Malaysia boleh dipinda
  - B. Perlembagaan Persekutuan dibentuk pada tahun 1957
  - C. Perlembagaan Persekutuan dibentuk melalui Suruhanjaya Cobbold
  - D. Perlembagaan Malaysia memperakui semua undang-undang yang wujud di Sabah dan Sarawak sebelum Hari Merdeka

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

21. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** bagi menerangkan konsep Raja Berperlembagaan sebagaimana definisi perlembagaan?
- Yang di-Pertuan Agong membentuk Perlembagaan setelah berunding dengan Raja-Raja Melayu.
  - Yang di-Pertuan Agong berhak melaksanakan segala peruntukan dalam Perlembagaan mengikut budi bicara baginda.
  - Yang di-Pertuan Agong memerintah mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan atas nasihat kerajaan.
  - Yang di-Pertuan Agong berkuasa meminda peruntukan dan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
22. Manakah di bawah **tepat** berkaitan dengan konsep ketertinggian perlembagaan?
- Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi
  - Parlimen mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan pentadbiran
  - Undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan akan terbatal setakat mana yang berlawanan
  - Yang di-Pertuan Agong adalah ketua negara dan menjalankan pentadbiran mengikut budi bicara baginda
- i dan ii
  - i dan iii
  - ii dan iv
  - iii dan iv
23. Pindaan terhadap Perlembagaan Negeri boleh dilakukan dengan mendapatkan
- persetujuan rakyat melalui referendum
  - kelebihan majoriti mudah dalam Dewan Undangan Negeri
  - kelebihan suara 2/3 dalam Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-raja
  - kelebihan 2/3 Dewan Undangan Negeri dan perkenan Sultan/Yang di-Pertua Negeri
24. Pilih pernyataan yang **paling tepat** bagi menggambarkan pemberian kerakyatan Malaysia terhadap anak yang dilahirkan berdasarkan kes *jus sanguinis*.
- Zainab dilahirkan di Kuala Terengganu manakala ibu bapanya adalah warganegara Thailand
  - Naqjudin warganegara Malaysia memperoleh cahaya mata setelah isterinya melahirkan anak di sebuah hospital di London
  - Lily warganegara Indonesia melahirkan cahaya mata di sebuah hospital di Kuala Lumpur manakala suaminya warganegara Thailand
  - Hanif dilahirkan di Kanada memandangkan bapanya warganegara Kanada manakala ibunya berasal daripada Malaysia tetapi telah menukar kepada warganegara Kanada

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

Soalan 25 adalah berdasarkan jadual di bawah.

Penduduk Singapura, Sabah dan Sarawak mendapat kewarganegaraan Malaysia apabila negeri tersebut menganggotai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

25. Penyataan di atas merujuk kepada cara mendapat kewarganegaraan melalui
- pendaftaran
  - naturalisasi
  - percantuman wilayah
  - kuatkuasa undang-undang
26. Kewarganegaraan seseorang individu boleh dilucutkan atas sebab-sebab berikut:
- Melanjutkan pelajaran ke negara asing
  - Menunjukkan sikap tidak setia kepada negara
  - Memperoleh kewarganegaraan secara penipuan
  - Menjalankan perniagaan dengan negara musuh semasa perang
- i, ii dan iii
  - i, ii dan iv
  - i, iii dan iv
  - ii, iii dan iv
27. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** berkaitan dengan status tulisan Jawi berdasarkan Perkara 9, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67?
- Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Jawi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Rumi, bagi bahasa kebangsaan
  - Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Jawi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, bagi bahasa kebangsaan
  - Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Inggeris, yang lebih dikenali dengan nama tulisan kebangsaan
  - Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

28. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memperuntukkan hak-hak istimewa kepada Orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Keistimewaan yang diberi ialah
- jawatan sebagai wakil rakyat
  - pemberian lesen dan permit perniagaan
  - kuota peluang pendidikan di peringkat universiti
  - pemberian biasiswa untuk melanjutkan pelajaran
- A. i dan ii  
B. i dan iv  
C. ii dan iii  
D. ii dan iv
29. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berkaitan hak asasi dan kebebasan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Jika seseorang ditangkap maka hendaklah diberitahu sebab-sebab penangkapan
  - Setiap individu bebas bergerak dan tinggal di mana-mana tempat dalam Persekutuan
  - Seseorang individu tidak boleh dilayan sebagai abdi atau diarah melakukan kerja paksa
  - Seseorang individu yang telah dibebaskan oleh mahkamah boleh didakwa semula atas kesalahan yang sama
30. Pilih pernyataan yang **benar** tentang amalan sistem demokrasi di Malaysia.
- Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
  - Individu yang mengetuai kabinet dipilih melalui pilihan raya
  - Warganegara dijamin kebebasan bersuara dan menubuhkan parti politik
  - Hanya parti politik yang mendapat undi lebih 2/3 berhak membentuk kerajaan
- A. i, ii dan iii  
B. i, ii dan iv  
C. i, iii dan iv  
D. ii, iii dan iv
31. Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sewaktu mengendalikan Pilihan Raya Umum ke-15.
- Mengeluarkan writ pilihan raya
  - Mengadakan proses penamaan calon
  - Menentukan calon yang layak bertanding
  - Mengumumkan keputusan pilihan raya
- A. i dan ii  
B. ii dan iii  
C. i, ii dan iv  
D. Semua di atas

**CONFIDENTIAL**

***SULIT***

10/24

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
**SULIT**

32. Pilihan raya umum di Malaysia perlu diadakan setiap lima tahun dan tidak melebihi dari tarikh tersebut. Apakah tarikh sebenar yang diukur bagi mengadakan Pilihan raya Umum ke-16 ?
- A. Tarikh hari pengundian Pilihan raya Umum ke-15  
B. Tarikh penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum ke-15  
C. Tarikh pembubaran Parlimen untuk diadakan Pilihan Raya Umum ke-15  
D. Tarikh persidangan Dewan Rakyat penggal pertama selepas Pilihan raya ke-15
33. Pilihan raya kecil diadakan atas sebab-sebab berikut, **kecuali**
- A. Dewan Rakyat dibubarkan  
B. Ahli Parlimen meninggal dunia  
C. kemenangan calon pilihan raya dibatalkan Mahkamah Tinggi  
D. Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan
34. Situasi manakah yang tepat menggambarkan pencalonan bagi calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum menjadi tidak sah dan terbatal?
- A. Ali bertanding di DUN Seberang Takir Terengganu serta dalam masa yang sama bertanding di Parlimen Shah Alam  
B. Bahaman bertanding di Parlimen Kuala Nerus serta dalam masa yang bertanding di Parlimen Johor Bharu  
C. Calon dengan sebab tertentu tidak dapat hadir ke pusat penamaan calon sebaliknya pencadang dan penyokong sahaja telah hadir  
D. Calon yang bertanding bagi kerusi DUN serta dalam masa yang sama bertanding kerusi Parlimen serta dilantik sebagai Menteri Besar

Soalan 35 adalah berdasarkan jadual di bawah:

<b>Bil</b>	<b>Calon</b>	<b>Parti</b>	<b>Undi</b>
i	Dato' Hjh. Habibah	BN	15,874
ii	Cikgu Rahayu Baharin	PH	12,314
iii	Kapt (B) Dato Dr Zulkafperi	PN	18,058
iv	Lando Brotherhood	Pejuang	3557
v	Mohd Rosni	Bebas	1406
	<b>Jumlah Undi</b>		<b>51, 209</b>

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya Umum ke-15, Parlimen Tanjung Karang

35. Berdasarkan Keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 bagi Parlimen Tanjung Karang di atas, calon manakah yang dikira hilang wang deposit sebagaimana peraturan SPR?
- A. v sahaja  
B. iv dan v  
C. ii, iv dan v  
D. ii, iii, iv dan v

**CONFIDENTIAL**  
**SULIT**

36. Petisyen rayuan ke atas keputusan pilihanraya boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi selepas keputusan diwartakan dengan alasan berikut:
- Calon hilang kelayakan
  - Berlaku penipuan atau ugutan
  - Tidak mematuhi peraturan pilihanraya
  - Gagal memperolehi  $\frac{1}{8}$  daripada jumlah undi
- A. i, ii dan iii  
B. i, ii dan iv  
C. i, iii dan iv  
D. ii, iii dan iv

37. Yang manakah antara ciri-ciri di bawah ini **tepat** dengan konsep negara?

	Persekutuan	Kesatuan	Konfederasi
A	Kerajaan Pusat berkuasa penuh	Kerajaan Negeri berkuasa dalam pentadbiran negeri	Kerajaan Pusat mempunyai kuasa eksekutif
B	Kerajaan Pusat berkongsi kuasa	Kerajaan Pusat berkuasa mutlak	Kerajaan Pusat memiliki segala kuasa
C	Kerajaan mempunyai autonomi dalam bidang-bidang tertentu	Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa	Kerajaan Negeri mempunyai kuasa
D	Kerajaan Pusat berkuasa membatalkan undang-undang	Kerajaan Negeri berkuasa dalam perundangan	Kerajaan Negeri berkuasa dalam bidang-bidang tertentu

38. Pernyataan manakah **tepat** berkaitan dengan pelantikan Perdana Menteri Malaysia?

- Salah seorang Ahli Dewan Rakyat
  - Mesti Orang Melayu dan beragama Islam
  - Hanya boleh dipecat melalui usul undi tidak percaya
  - Perlu mendapat sokongan majoriti dua pertiga Ahli Dewan
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. ii dan iv  
D. iii dan iv

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
**SULIT**

39. Penyataan berikut adalah benar mengenai sistem pemerintahan di Malaysia, **kecuali**
- Ketua negara dipilih lima tahun sekali
  - Yang di-Pertuan Agong adalah ketua eksekutif yang sebenar
  - Pilihan raya diadakan untuk membolehkan rakyat memilih parti yang memerintah
  - Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugas baginda mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan
40. Penyataan berikut benar mengenai Yang di-Pertuan Agong, **kecuali**
- mempunyai keutamaan melebihi semua orang di Malaysia
  - dipilih oleh Parlimen untuk memegang jawatan selama 5 tahun
  - jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan pada 31 Ogos 1957
  - menjalankan pemerintahan mengikut kuasa yang diperuntukkan dalam perlembagaan
41. Yang di-Pertuan Agong merupakan salah satu komponen Parlimen yang berkuasa
- melantik dan memecat ahli Parlimen
  - memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen
  - menyemak undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen
  - membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan
42. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa mengampun untuk kesalahan-kesalahan berikut, **kecuali**
- yang dilakukan dalam mana-mana Wilayah Persekutuan
  - yang dilakukan oleh permaisuri dan anak raja negeri lain
  - yang dibicarakan dan hukuman dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera
  - dilakukan dan hukuman dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan
43. Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya sendiri dalam perkara-perkara berikut, **kecuali**
- mempertimbangkan perubahan sempadan negeri
  - memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah-Sarawak
  - tidak bersetuju dengan permintaan Menteri Besar untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri
  - meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-raja untuk membincangkan hal berkaitan kedudukan dan keistimewaan raja-raja
- i dan ii
  - ii dan iii
  - iii dan iv
  - i dan iii

**CONFIDENTIAL**

**SULIT**

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

44. Antara berikut, yang manakah tugas-tugas Penyimpan Mohor Besar Raja-raja?
- i. Mengumumkan tarikh berpuasa dan hari raya
  - ii. Menjalankan urusan pentadbiran Majlis Raja-raja
  - iii. Memelihara adat-istiadat orang Melayu dan agama Islam
  - iv. Menguruskan hal-hal berkaitan kedudukan dan keistimewaan raja
- A. i dan ii  
B. ii dan iii  
C. iii dan iv  
D. i dan iv
45. Struktur pentadbiran kerajaan Malaysia terdiri daripada tiga komponen utama, **kecuali**
- A. badan kehakiman
  - B. badan pelaksana
  - C. Majlis Raja-raja
  - D. badan perundangan
46. Yang manakah antara berikut merupakan padanan yang benar?
- X - Membuat dan menggubal dasar-dasar kerajaan  
Y - Menggubal dan memansuhkan undang-undang  
Z - Menyemak dan mengisytiharkan undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang persekutuan
- |   | Eksekutif | Perundangan | Kehakiman |
|---|-----------|-------------|-----------|
| A | X         | Y           | Z         |
| B | Y         | Z           | X         |
| C | Z         | X           | Y         |
| D | Y         | X           | Z         |
47. Kuasa eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan dijalankan oleh Kabinet yang diketuai oleh
- A. Perdana Menteri
  - B. Setiausaha Parlimen
  - C. Yang di-Pertuan Agong
  - D. Ketua Setiausaha Negara

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

48. Kementerian diketuai oleh seorang menteri yang dibantu oleh
- A. Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik
  - B. Setiausaha Politik dan Pengarah Jabatan
  - C. Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Politik
  - D. Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian
49. Peranan jabatan di dalam sesebuah kementerian lebih tertumpu kepada
- A. penggubalan sesebuah dasar
  - B. penyelarasan sistem pentadbiran
  - C. penguatkuasaan undang-undang
  - D. penyelesaian masalah berbangkit
50. Penubuhan perbadanan awam di peringkat Persekutuan di Malaysia bermatlamat untuk
- A. membantu kerajaan menjayakan Dasar Penswastaan
  - B. mengurangkan beban pentadbiran kerajaan Persekutuan
  - C. membolehkan kerajaan menjalankan perniagaan bermotifkan keuntungan
  - D. membolehkan penglibatan terus pihak kerajaan dalam pembangunan sosioekonomi negara
51. Berikut merupakan suruhanjaya yang tergolong dalam kategori Suruhanjaya Tetap, **kecuali**
- i. Suruhanjaya Diraja
  - ii. Suruhanjaya Pilihan raya
  - iii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
  - iv. Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. i dan iv
  - D. iii dan iv
52. Suruhanjaya Khas ditubuhkan bertujuan
- A. menyiasat sesuatu masalah yang membabitkan kerajaan
  - B. menyelaras peranan suruhanjaya-suruhanjaya yang sedia ada
  - C. melaksanakan dasar kerajaan melalui penguatkuasaan undang-undang
  - D. mengkaji sesuatu isu atau perkara dan membuat cadangan kepada kerajaan bagaimana mengatasinya

**CONFIDENTIAL**

***SULIT***

15/24

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

53. Penyataan di bawah adalah benar mengenai Yang di-Pertua Negeri, **kecuali**
- berkhidmat sepanjang hayat dan tidak boleh dipecat
  - dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Menteri
  - berkuasa memanggil, menangguh atau membubarkan Dewan Undangan Negeri
  - boleh didakwa di mana-mana mahkamah awam berkaitan kes sivil dan jenayah
54. Kuasa pelaksanaan dasar sesebuah negeri di Semenanjung Malaysia terletak pada
- Dewan Undangan Negeri
  - Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
  - Menteri Besar atau Ketua Menteri
  - Sultan atau Yang Dipertua Negeri
55. Penyataan berikut manakah yang **tepat** berkaitan dengan jawatan utama di peringkat negeri di Malaysia
- Gelaran bagi Yang di-Pertua Negeri ialah Tuan Yang Terutama
  - Menteri Muda di Sarawak juga dikenali Timbalan Menteri Sarawak.
  - Ketua Menteri di Sarawak disebut dengan gelaran *Premier Sarawak*
  - Menteri Kabinet Sabah adalah setaraf dengan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Semenanjung
- I dan ii
  - ii dan iii
  - i, ii dan iii
  - Semua di atas
56. Pegawai-pegawai kerajaan berikut dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, **kecuali**
- Pegawai Ekonomi Negeri
  - Pegawai Kewangan Negeri
  - Setiausaha Kerajaan Negeri
  - Penasihat Undang-undang Negeri

Soalan 57 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Pentadbiran Negeri Sarawak
X
Daerah
Daerah Kecil
Kampung

57. Kawasan X diketuai oleh
- Residen
  - Penghulu
  - Pegawai Daerah
  - Pegawai Perkhidmatan Tadbir Sarawak
58. Penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilakukan melalui penubuhan majlis-majlis berikut, **kecuali**
- Majlis Raja-raja
  - Majlis Perundungan Negeri
  - Majlis Keselamatan Negara
  - Majlis Pembangunan Negeri

Soalan 59 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

- Mengawal pembangunan tanah dan bangunan di dalam kawasan pentadbiran masing-masing
- Membina dan menyelenggara parit dan alur air
- Memberikan perkhidmatan sanitari dan pembersihan seperti mengutip sampah, mencuci longkang dan memotong rumput

59. Maklumat di atas merujuk kepada fungsi yang dimainkan oleh
- Jabatan Kerja Raya
  - Pihak Berkuasa Tempatan
  - Pejabat Daerah dan Tanah
  - Pejabat Kemajuan Negeri

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

60. Kerajaan Tempatan berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Berikut adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri ke atas Kerajaan Tempatan:
- menguruskan projek lengkap bagi kerajaan tempatan
  - merancang dan meluluskan peningkatan gaji ahli-ahli Majlis
  - meluluskan anggaran belanjawan tahunan kerajaan tempatan
  - mengesahkan perundangan yang digubal oleh Kerajaan Tempatan
- A. i dan ii  
B. i dan iv  
C. ii dan iii  
D. iii dan iv

Soalan 61 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

- Sebuah pekan yang terletak di luar bandar
  - Penduduk kurang daripada 100,000 orang
  - Hasil pendapatan tahunan lebih kurang RM 5 juta
  - Diketuai oleh Pegawai Daerah

61. Ciri-ciri di atas merujuk kepada
- A. Majlis Daerah  
B. Majlis Bandaraya  
C. Dewan Bandaraya  
D. Majlis Perbandaran
62. Antara keistimewaan Parlimen ialah
- Parlimen berhak menggubal semua jenis undang-undang
  - sebarang prosiding di Parlimen tidak boleh dipersoalkan di mahkamah
  - ahlinya tidak boleh didakwa kerana menyiarkan maklumat-maklumat yang ditimbulkan dalam persidangan Parlimen
  - hanya ahli Parlimen sahaja boleh berbincang perkara-perkara di bawah akta hasutan seperti hak istimewa orang-orang Melayu
- A. i dan ii  
B. i dan iv  
C. ii dan iii  
D. iii dan iv

**CONFIDENTIAL**

***SULIT***

63. Antara kelebihan Dewan Rakyat berbanding dengan Dewan Negara ialah

- i. Perdana Menteri haruslah ahli Dewan Rakyat
  - ii. Elaun ahli Dewan Rakyat melebihi elaun ahli Dewan Negara
  - iii. Dewan Rakyat memiliki ahli yang lebih ramai berbanding Dewan Negara
  - iv. Dewan Rakyat mempunyai kata pemutus bagi hal-hal berkaitan kewangan
- A. i dan ii
  - B. i dan iv
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv

Soalan 64 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Menurut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang ke atas sebarang perkara yang tidak disebutkan di dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

64. Penyataan di atas merujuk kepada

- A. kuasa baki perundangan
- B. kuasa yang tidak tersenari
- C. kuasa tambahan kepada Dewan Undangan Negeri
- D. kuasa yang dikhaskan kepada Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak

65. Rang Undang-Undang Awam merujuk kepada rang undang-undang yang dibentangkan oleh

- A. ahli Parlimen daripada parti pembangkang
- B. ahli Parlimen yang mempunyai kepentingan tertentu
- C. pertubuhan, persatuan, perbadanan atau orang-orang tertentu
- D. menteri yang mewakili kerajaan dan melibatkan kepentingan awam

Soalan 66 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

i	Yang di-Pertuan Agong memperkenankan rang undang-undang
ii	Menteri bersama pegawai-pegawai di kementeriannya akan membuat draf dasar rang undang-undang
iii	Kabinet akan membuat pindaan terhadap draf rang undang-undang
iv	Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan rang undang-undang
v	Jabatan Peguam Negara akan menyediakan rang undang-undang

66. Pilih urutan yang betul dalam penggubalan sesuatu undang-undang kerajaan
- A. ii, i, iii, v dan iv  
B. ii, v, iii, iv dan i  
C. iii, ii, iv, v dan i  
D. v, iii, iv, ii dan i
67. Fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh badan kehakiman ialah
- i. memelihara hak-hak istimewa orang Melayu  
ii. menyelesaikan pertikaian antara individu dengan individu atau individu dengan kerajaan  
iii. mengesahkan undang-undang dan membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan  
iv. mentafsir undang-undang dan mengisytiharkan sesuatu undang-undang itu tidak sah sekiranya bercanggah dengan undang-undang persekutuan
- A. i, ii dan iii  
B. i, ii dan iv  
C. i, iii dan iv  
D. ii, iii dan iv
68. Berikut, siapakah yang boleh mengemukakan petisyen pengampunan jika seorang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara oleh Mahkamah Persekutuan
- i. Banduan  
ii. Peguam  
iii. Ahli keluarga banduan  
iv. Jabatan Penjara Malaysia
- A. ii dan iii  
B. i dan iii  
C. i, ii dan iii  
D. Semua di atas

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

69. Antara mahkamah berikut, yang manakah **tidak** mempunyai bidang kuasa asal?

- A. Mahkamah Rayuan
- B. Mahkamah Tinggi
- C. Mahkamah Syariah
- D. Mahkamah Sesyen

Soalan 70 adalah berdasarkan maklumat di bawah

Mahkamah	:	Mahkamah Pilihan Raya Terengganu
Kes	:	Pilihan Raya Parlimen Kemaman
Tuduhan	:	Sogokan dan rasuah pilihan raya
Keputusan	:	Calon PAS Che Alias Hamid dikekalkan kemenangan

70. Merujuk kepada maklumat di atas, apakah tindakan yang perlu di ambil oleh seorang calon jika tidak bersetuju dengan keputusan pilihan raya?

- A. Laporan polis
- B. Rayuan kepada SPR
- C. Mengemukakan petisyen pilihan raya
- D. Tidak hadir ke tempat pengiytihan keputusan pilihan raya

71. Semua padanan di bawah adalah benar, **kecuali**

	Jenis Mahkamah	Kes Perbicaraan
A	Mahkamah Juvenil	Kesalahan yang dilakukan oleh mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun
B	Mahkamah Tentera	Kesalahan yang dilakukan oleh anggota tentera
C	Mahkamah Bumiputera	Kesalahan yang dilakukan dari segi adat resam kaum bumiputera Sabah-Sarawak
D	Mahkamah Buruh	Perkara yang melibatkan pertelingkahan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

72. Manakah pernyataan yang **tepat** berkaitan kerangka dasar luar baharu yang diperkenalkan kerajaan Malaysia pada tahun 2019?
- Kekuatan politik dalam menghadapi persaingan serantau
  - Membantu negara-negara yang terlibat dalam kancah perperangan
  - Penjanaan ekonomi yang mapan dalam kalangan negara-negara Islam
  - Asas-asas kepentingan nasional yang merangkum kepentingan politik, ekonomi dan sosial
73. Pernyataan yang manakah **tepat** mengenai keputusan *International Court of Justice* (ICJ) terhadap keputusan isu Pulau Sipadan-Ligitan yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Indonesia?
- Malaysia dan Indonesia menguasai Pulau Sebatik berdekatan Tawau
  - Malaysia dan Indonesia berhak ke atas kedaulatan kedua-dua buah pulau
  - Malaysia berhak menduduki beberapa kawasan yang mempunyai minyak di Ambalat
  - ICJ memberikan hak pemilikan ke atas kedua-dua buah pulau kepada Malaysia dengan undian 16-1
- i dan ii
  - ii dan iii
  - iii dan iv
  - i dan iv
74. Konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali (*Zone of peace, Freedom and Neutrality/ZOPFAN*) yang dibawa Malaysia melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada 27 November 1971 selaras dengan dasar Malaysia, iaitu
- prinsip berkecuali
  - mencari perdamaian
  - mengekalkan keamanan
  - menyokong anti keganasan
75. Perjanjian air pada tahun 1961 antara Malaysia dengan Singapura wajar dikaji semula kerana
- hubungan dua negara yang tidak kondusif
  - Malaysia lebih memerlukan air untuk kegunaan domestik
  - harga jualan air terlalu tidak munasabah serta tidak mengikut harga semasa
  - Singapura menyalahgunakan air mentah dengan menjual semula kepada Malaysia

**NCC3053**  
**CONFIDENTIAL**  
***SULIT***

76. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tepat** berkaitan isu daerah Limbang di Sarawak?

- i. Limbang pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu
  - ii. Malaysia berpegang bahawa daerah Limbang adalah wilayah Sarawak yang diperoleh Charles Brooke pada tahun 1890
  - iii. Isu ini jika tidak diselesaikan dengan baik menimbulkan masalah hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia
  - iv. Pungutan suara oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1963 bahawa Sarawak yang mengandungi daerah Limbang bersetuju menyertai Malaysia
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. ii dan iv  
D. Semua di atas

77. Individu berikut pernah mengharumkan nama Malaysia dalam bidang sukan berprestij di peringkat dunia:

- i. Azizul Hasni Awang
- ii. Wan Nazri Wan Aria
- iii. Roslin Hashim
- iv. Lee Chong Wei

- A. i dan ii  
B. ii dan iii  
C. i, iii dan iv  
D. Semua di atas

78. Berikut merupakan barang Malaysia yang dipasarkan di luar negara:

- i. Baba's
- ii. Padini
- iii. Ogawa
- iv. Munchy's

- A. i, ii dan iii  
B. i, ii dan iv  
C. ii, iii dan iv  
D. Semua di atas

79. Allahyarham Sudirman Hj. Arshad pernah dinobatkan sebagai \_\_\_\_\_ dan pernah membuat persembahan di Albert Hall, London
- penghibur pop Asia
  - penyanyi bersuara emas
  - penghibur nombor 1 Asia
  - penghibur pop bertaraf dunia
80. Filem biografi epik Mat Kilau telah berjaya menempa nama di luar negara serta mencapai kutipan sekitar RM100 juta. Berikut mesej yang hendak disampaikan melalui filem ini, **kecuali**
- kepimpinan berkualiti dalam kalangan pemimpin tempatan
  - cintakan tanah air sekalipun terpaksa berkorban nyawa
  - keganasan kumpulan Mat Kilau terhadap kolonial British
  - wujudnya individu tertentu dalam kalangan penduduk tempatan yang bertindak sebagai tali barut musuh

*Kertas Soalan Tamat*